

Oleh SYED MUSSADDAD SYED MAHDI & MOHD RASDAN AHMAD
Foto AZLIZA HAILANI

LUAR biasa sambutan yang diterima pada malam minggu lalu sehinggakan hampir lima ribu penonton membanjiri Tapak Pesta Konvo USIM, Nilai, Negeri Sembilan bagi menyaksikan Konsert *Pancaiendera* kali ini.

Tidak sekadar berhibur dengan barisan artis-artis popular, ini juga merupakan platform untuk peminat yang terdiri daripada pelajar dan masyarakat sekitar Nilai untuk sama-sama lebih dekat dengan artis kegemaran mereka.

Sambutan hangat yang diterima cukup luar biasa. Walaupun dalam keadaan cuaca yang tidak menentu, itu langsung tidak menghalang perjalanan acara yang telah diatur bermula 23 hingga 25 November lalu.

Usaha sama dan silaturrahim yang telah terjalin antara Kumpulan Utusan dan Universiti Sains Islam (USIM) itu sudah pun bermula pada tahun lalu.

Jalanan yang cukup mesra itu dipanjangkan lagi pada tahun ini dengan penglibatan akhbar *Utusan Malaysia* dan *Mingguan Malaysia* sebagai media rasmi untuk meraikan para graduan yang berjaya menamatkan pengajian.

Tidak tertumpu dalam aspek hiburan semata-mata, pelbagai acara lain turut diadakan bagi memastikan kelancaran setiap acara termasuklah acara memancing yang mendapat sambutan menggalakkan daripada kaki pancing.

Dengan menawarkan hadiah lumayan kepada para peserta yang bertanding, acara yang telah diadakan ini tidak hanya tertumpu kepada warga USIM semata-mata sebaliknya penyertaan daripada orang luar tak kurang hebat.

Namun tumpuan diberi kepada acara Konsert *Pancaiendera* yang menjadi acara kemuncak pada malam minggu lalu. Kehebatan Nabil mengendalikannya bersama dengan rakan pelawak daripada kumpulan Balas.

Cukup menghiburkan aksi mereka, ternyata gandingan ini serasi bagi menghidupkan suasana malam yang semakan kelam. Bermula kira-kira pukul 9 malam, peminat mula berpusu-pusu di hadapan pentas utama.

Ana Raffali yang menjadi artis pertama membuka tirai paling dinantikan. Dengan petikan gitar dan nyanyian lagu-lagu popular Ana Raffali mula menghidupkan suasana.

Momentum tersebut diteruskan dengan persembahan kumpulan Hijjaz, Ainan Tasneem dan Yassin yang turut sama membuat kemunculan sulung dalam Konsert *Pancaiendera* kali ini.

Tidak sekadar berhibur semata-mata, ini adalah acara konsert yang cukup santai sebenarnya. Tidak ada acara yang melalakan dan segala-galanya berjalan lancar seperti yang dirancang.

Namun kelibat kumpulan pelajar yang menggelarkan diri mereka *The Bachelor* tidak menghampakan. Mendengarkan beberapa lagu popular, ternyata bakat pelajar USIM tidak boleh dipandang rendah.



LIMA ribu peminat membanjiri Tapak Pesta Konvo USIM bagi menyaksikan Konsert *Pancaiendera* minggu lalu.

Konsert Pancaiendera di kampus USIM

Sambutan hangat yang diterima cukup luar biasa. Walaupun dalam keadaan cuaca yang tidak menentu, itu langsung tidak menghalang perjalanan acara yang telah diatur bermula 23 hingga 25 November yang lalu.



KEMUNCULAN kumpulan Hijjaz amat dinantikan oleh warga USIM.



YASSIN Sulaiman sempat mendengarkan tiga buah lagu

Sudah lama saya tidak terlibat dalam acara kampus universiti. Bila ada peluang memang saya tak akan lepaskan sebab ini sahaja cara untuk saya lebih rapat dengan peminat - Intan Ladyana



NABIL AHMAD



INTAN Ladyana dan Kamal Adli bergambar dengan peminat mereka.

Ramah mesra

TERDAHULU kemunculan beberapa nama besar artis popular tanah air cukup dinantikan oleh sebahagian besar peminat yang membanjiri Tapak Pesta Konvo USIM pada petang Sabtu dan Ahad yang lalu.

Kelibat artis-artis popular seperti Fahrin Ahmad, Fizo Omar, Kamal Adli, Intan Layana, Mia Sara Nasuha dan Pierre Andre berjaya menarik perhatian peminat.

Mereka yang hadir bagi memeriahkan lagu gerai Kumpulan Utusan tidak melepaskan peluang untuk bergambar bersama dengan barisan artis yang hadir ini.

Bagi Fizo Omar misalnya, dia menganggap ini adalah peluang bertemu para peminat dan sebagai tanda terima kasih kepada mereka yang tak pernah jemu-jemu menyokong kerjaya seninya. "Saya anggap ini sebagai cara

untuk saya membalas jasa peminat yang tak pernah jemu-jemu menyokong saya. Hanya dengan cara begini saya akan lebih dekat dengan mereka dan dapat menggembirakan mereka.

"Lihat sahaja hari ini, memang ramai yang datang dan bertanyakan macam-macam. Apa-apa pun saya berterima kasih kerana dapat bersama dengan pelajar USIM dan orang Nilai dengan lebih dekat," kata Fizo lagi.

Berpendapat sama dengan Fizo, Intan Ladyana juga menganggap ini sebagai satu acara yang jarang-jarang disertai sejak bergelar pelakon popular.

"Sudah lama saya tidak terlibat dalam acara kampus universiti. Bila ada peluang memang saya tak akan lepaskan sebab ini sahaja cara untuk saya lebih rapat dengan peminat.

"Tambah pula acara ini sempena dengan Pesta Konvo USIM, saya berterima kasih kerana menjemput saya ke acara ramah mesra ini," kata Intan Ladyana lagi.

Selain acara ramah mesra, pertandingan karaoke juga turut mendapat sambutan menggalakkan daripada orang ramai. Jika mahu dibandingkan tahun lalu, peserta kali ini lebih berkualiti dan mempamerkan kualiti yang cukup baik.



FAHRIN Ahmad tidak melepaskan peluang melayan peminat.